Ker Yik Yan (dahulunya berniaga sebagai Multi Success Trading House) lwn Foong-Foong Emporium (KL) Sdn Bhd

A

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO W–02–867 TAHUN 2002

B

NIK HASHIM, ABDUL KADIR SULAIMAN DAN ARIFIN ZAKARIA HHMR

28 JUNE 2006

C

Acara Sivil — Penyalahgunaan proses mahkamah — Had masa tindakan — Tindakan kedua dimulakan di luar had masa selepas tindakan pertama dibatalkan — Sama ada plaintif sepatutnya merayu terhadap pembatalan tindakan pertama — Sama ada pemfailan tindakan kedua merupakan penyalahgunaan proses mahkamah

D

Perayu telah memulakan dua tindakan terhadap responden untuk menuntut ganti rugi disebabkan tindakan salah responden menghalang perayu daripada memasuki premis bagi tujuan meneruskan operasi perniagaannya. Tindakan pertama telah difailkan pada 18 April 1995 dan tindakan kedua telah difailkan pada 28 Mei 2001. Tindakan pertama telah dibatalkan oleh mahkamah kerana kegagalan perayu dalam tindakan pertama untuk meneruskan pendakwaan kesnya. Dalam tindakan kedua, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa: (1) tindakan perayu adalah di luar had masa di bawah s 6(1)(a) Akta Had Masa 1953 ('Akta tersebut'); dan (2) oleh itu, tindakan tersebut merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah di bawah A 18 k 19(1)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Perayu merayu.

E

F

Responden berhujah bahawa tindakan kedua ini merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah kerana perayu sepatutnya merayu terhadap keputusan pembatalan tindakan pertama atau membuat permohonan untuk menghidupkan semula writ saman dan penyata tuntutan dalam tindakan pertama itu. Langkah perayu memfailkan writ saman dan penyata tuntutan dalam tindakan kedua ini dan kegagalan perayu untuk menggunakan salah satu daripada aturcara yang ditetapkan tersebut merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

G

H

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Kausa tindakan kedua bermula pada 30 Mac 1995 iaitu tarikh di mana perayu mendakwa beliau telah dihalang oleh responden untuk membuka pintu premis. Berdasarkan s 6(1)(a) Akta tersebut, tempoh masa enam tahun bermula dari 30 Mac 1995 dan berakhir pada 31 Mac 2001. Oleh yang demikian, tindakan kedua ini yang difailkan pada 28 Mei 2001 adalah di luar had masa di bawah s 6(1)(a) Akta, iaitu lebih kurang dua bulan melepasi had masa. Perenggan-perenggan lain dalam penyata tuntutan tidak menggambarkan wujudnya percubaan-percubaan lain oleh perayu untuk

I

memasuki premis tersebut. Justeru, hujahan perayu bahawa kausa tindakan kedua ini tidak terhad dan berjalan berterusan adalah salah tanggapan (lihat perenggan 16).

(2) Perayu tidak sepatutnya memfailkan tindakan kedua, lebih-lebih lagi ia sudah melebihi had masa. Perayu sepatutnya memfailkan satu permohonan untuk menghidupkan semula writ saman atau merayu terhadap keputusan pembatalan tindakan pertama tersebut. Tindakan perayu dengan memfailkan tindakan kedua, merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah yang tidak seharusnya dibenarkan (lihat perenggan 25).

[**English summary**

The appellant had brought two actions against the respondent for damages claims as a result of the respondent's wrongful action in restraining the appellant from entering the premises in order to continue his business operations. The first action was filed on 18 April 1995 and the second action was filed on 28 May 2001. The first action wan struck out by the court due to the appellant's failure in the first action to proceed with the prosecution's case. In the second action, the High Court held that: (1) the appellant's action was time barred under s 6(1)(a) of the Limitation Act 1953 ('the Act'); and (2) therefore, that action was an abuse of the court process under O 18 r 19(1)(d) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'). The appellant appealed.

The respondent submitted that the second action was an abuse of the court process because the appellant should appeal against the decision to strike out the first action or made an application to revive the writ of summons and the statement of claim in the first action. The appellant's step in filing the writ of summons and the statement of claim in the second action and the failure of the appellant to apply one of the procedures specified was an abuse of the court process.

Held, dismissing the appeal:

(1) The second cause of action accrued on 30 March 1995, ie the date the appellant claimed that he was restrained by the respondent from opening the premises entrance. By virtue of s 6(1)(a) of the Act, the time limit of six years began from 30 Mac 1995 and ended on 31 March 2001. Therefore, the second action filed on 28 May 2001 was time barred under s 6(1)(a) of the Act, ie nearly two months after the time limit. The other paragraphs in the statement of claim did not suggest there was any effort by the appellant to enter the premises. Therefore, the appellant's submission that the second course of action was not limited and continued to run was misconceived (see para 16).

(2) The appellant should not have filed the second action, moreover time had lapsed. The appellant should had filed an application to revive the writ of summons or appealed against the striking out decision in the first action. The appellant's action in filing the second action was an abuse of the court process which should not be allowed (see para 25).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai had masa tindakan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 14.

Kes-kes yang dirujuk

Haji Hussin Bin Haji Ali & Ors. v Datuk Haji Mohamed Bin Yaacob & Ors; And Connected Cases [1983] 2 MLJ 227 (dirujuk)

Janov v Morris [1981] 3 All ER 780 (dirujuk)

Nasri v Mesah [1971] 1 MLJ 32 (dirujuk)

Pembinaan dan Pemaju Mahajiwa (Selangor) Sdn v ASM Development Sdn Bhd (formerly known as Sobena Maju Sdn Bhd) [2003] 4 MLJ 633 (dirujuk)

Peng Bee Sdn Bhd v Teoh Liang Teh & Ors [2001] 1 MLJ 1 (dirujuk)

Tio Chee King & Ors v Government of Sabah [1981] 1 MLJ 207 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Had Masa 1953 s 6(1)(a)

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)(d), A 25

Rayuan daripada Guaman No S3–22–424 tahun 2001 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur):

ST Lee (ST Lee & Partners) bagi pihak perayu.

Yong Chee Kong (Yong Chee Kong & Co) bagi pihak responden.

Nik Hashim HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Pada 26 Februari 2004, Mahkamah ini terdiri daripada Yang Arif Dato' Abdul Kadir Sulaiman HMR, Yang Arif Dato' Arifin Jaka HMR dan saya, telah mendengar rayuan perayu dan selepas mendengar kedua-dua belah pihak, mahkamah pada hari yang sama telah menolak rayuan perayu dengan kos dengan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi dan memerintahkan deposit dibayar ke akaun responden untuk taksiran.

[2] Alasan penghakiman ini merupakan pendapat saya semata-mata kerana pada masa ia dipohon oleh perayu, kedua-dua Hakim di atas telahpun bersara. Justeru, saya kemukakan alasan penghakiman saya seperti berikut:

[3] Pada 19 September 2002, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membenarkan rayuan responden terhadap keputusan penolong kanan pendaftar ('PKP') yang menolak permohonan responden di bawah A 18 k 19(1)(d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'), dengan memutuskan bahawa -

(i) tindakan perayu (plaintif di Mahkamah Tinggi) adalah di luar had masa di bawah s 6(1)(a) Akta Had Masa 1953 ('Akta'); dan

(ii) tindakan perayu merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah di bawah A 18 k 19(1)(d) KMT.

A **[4]** Fakta kes menunjukkan bahawa perayu memulakan tindakan terhadap responden (defendan di Mahkamah Tinggi) untuk menuntut ganti rugi disebabkan tindakan salah responden menghalang perayu daripada memasuki premis bagi tujuan meneruskan operasi perniagaannya.

B **[5]** Pada 30 Mac 1995, selepas lelongan awam dilaksanakan, perayu telah cuba untuk membuka pintu premis tersebut untuk memulakan operasi perniagaannya. Namun demikian, beliau telah dihalang oleh responden dan pekerja/ajennya. Responden dikatakan menghalang perayu berikutan dua perintah writ distres yang telah diperolehi oleh responden untuk dilaksanakan terhadap perayu. Perintah bertarikh 15 Ogos 1994 dan 7 September 1994 masing-masingnya menuntut jumlah **C** sewa tertunggak bagi bulan Oktober hingga Disember 1993 dan Januari hingga Oktober 1994. Berikutan dengan itu, perlaksanaan terhadap writ distres tersebut telah dilakukan pada 13 Mac 1995 dan diikuti dengan lelongan awam.

D **[6]** Satu tindakan ('tindakan pertama') dengan kausa tindakan dan pihak-pihak yang sama dengan tindakan di hadapan Mahkamah ini ('tindakan kedua') telah difailkan pada 18 April 1995 oleh perayu terhadap responden di Mahkamah Tinggi yang lain (S4–22–129–1995). Tindakan kedua telah difailkan pada 28 Mei 2001.

E **[7]** Kegagalan perayu dalam tindakan pertama untuk mematuhi A 25 KMT dan gagal hadir untuk tunjuk sebab di hadapan mahkamah pada 14 Ogos 1998, telah menyebabkan Mahkamah membatalkan tindakan pertama tersebut kerana kegagalan perayu untuk meneruskan pendakwaan kesnya (for want of prosecution).

F **[8]** Mahkamah Tinggi kemudiannya, dalam tindakan kedua telah memutuskan bahawa tindakan perayu untuk memfailkan tindakan kedua adalah di luar had masa sebagaimana peruntukan s 6(1)(a) Akta, dan kegagalan perayu untuk menghidupkan semula tindakan pertama atau merayu terhadap keputusan pembatalan tindakan pertama tersebut merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah di bawah A 18 k 19(1)(d) KMT.

G **[9]** Rayuan perayu di hadapan Mahkamah Rayuan merangkumi dua isu.

ISU PERTAMA

Sama ada kausa tindakan kedua perayu di luar had masa di bawah s 6(1)(a) Akta.

H **[10]** Seksyen 6(1)(a) Akta memperuntukkan bahawa:

> Limitation of actions of contract and tort and certain other actions.
>
> (1) Save as hereinafter provided the following actions shall not be brought after the expiration of six years from the date on -which the cause of action accrued, that is **I** to say —
>
> (a) action founded on a contract or on tort:

[11] Kausa tindakan kedua perayu sebagaimana dalam penyata tuntutan perayu adalah untuk gantirugi berikutan kegagalan beliau untuk meneruskan

perniagaannya, kesan daripada tindakan salah responden yang menghalang perayu daripada memasuki premis tersebut. Kausa tindakan berdasarkan penyata tuntutan ini adalah jelas tergulung di bawah tindakan tort. Oleh itu, tempoh masa bagi perayu untuk membawa tindakan kedua ini adalah enam tahun dari tarikh tindakan itu bermula.

[12] Persoalannya, bilakah kausa tindakan ini bermula dan adakah tindakan ini difailkan dalam tempoh enam tahun sebagaimana syarat yang dinyatakan di dalam peruntukan s 6(1)(a) Akta atau sebaliknya? Penentuan kausa tindakan ini penting bagi memutuskkan sama ada tindakan ini telah difailkan dalam had masa. Ini kerana jika tindakan kedua ini difailkan di luar jangka masa, maka ia sudah memadai untuk membatalkan writ saman dan penyata tuntutan perayu. Prinsip ini telah dinyatakan oleh Davies LJ di dalam kes *Riches v Director of Public Prosecutions* [1973] 2 All ER 935 di ms 939 bahawa:

> In the light of those more recent authorities I think, as I say, that perhaps the observations of this court in *Dismore v Miltonwent* went too far. I do not want to state definitely that, in a case where it is merely alleged that the statement of claim discloses no cause of action, the limitation objection should or could prevail. In principle, I cannot see why not. If there is any room for an escape from the statute, well and good; it can be shown. But in the absence of that, it is difficult to see why a defendant should be called on to pay large sums of money and a plaintiff be permitted to waste large sums of his own or somebody else's money in an attempt to pursue a cause of action which has already been barred by the statute of limitations and must fail.

[13] Prinsip ini telah digunakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam keputusan dua kes yang berbeza: *Haji Hussin bin Haji Ali & Ors. v Datuk Haji Mohamed Bin Yaacob & Ors; And Connected Cases* [1983] 2 MLJ 227 dan *Tio Chee King & Ors v Government of Sabah* [1981] 1 MLJ 207.

[14] Bagi maksud menentukan masa yang diambilkira di dalam kes ini, perenggan 10 penyata tuntutan perayu hanya menyebut bahawa:

> Pada 30 Mac 1995, selepas lelongan barang-barang di tempat perniagaan tersebut di No 16.1 & 16.2, Wisma Thakurdas/Sachdev, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, defendan terus lagi mengunci premis tersebut. Plaintif membawa tukang kunci untuk membuka premis tersebut untuk perniagaan biasa. Semasa plaintif hendak membuka premis tersebut defendan dan pekerja-pekerja dan/atau agen-agennya menghalang plaintif dan memberi amaran bahawa plaintif tidak dibenarkan membuka pintu yang telah dikunci oleh defendan.

dan perayu tidak pula mendakwa dalam plidingnya bahawa dia telah dihalang secara berterusan.

[15] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Peng Bee Sdn Bhd v Teoh Liang Teh & Ors* [2001] 1 MLJ 1 telah menggunapakai prinsip di dalam kes *Nasri v Mesah* [1971] 1 MLJ 32 dan memutuskan:

> For the purpose of limitation, time begins to run from the date of any infringement or threat of infringement of the appellant's right under a sale and purchase agreement. In the present appeal, time began to run following the inability of the first to fourth respondents to give

A vacant possession. The present action was filed more than 12 years after the cause of action arose and was, pursuant to s 9 of the Limitation Act 1953, statute barred.

[16] Pada pendapat saya, kausa tindakan kedua bermula pada 30 Mac 1995 iaitu tarikh di mana perayu mendakwa beliau telah dihalang oleh responden untuk B membuka pintu premis. Berdasarkan s 6(1)(a) Akta, maka tempoh masa enam tahun bermula dari 30 Mac 1995 dan berakhir pada 31 Mac 2001. Oleh yang demikian, tindakan kedua ini yang difailkan pada 28 Mei 2001 adalah di luar had masa di bawah s 6(1)(a) Akta, iaitu lebih kurang dua bulan melepasi had masa. Perenggan-perenggan lain dalam penyata tuntutan tidak menggambarkan wujudnya C percubaan-percubaan lain oleh perayu untuk memasuki premis tersebut. Justeru, hujahan perayu bahawa kausa tindakan kedua ini tidak terhad dan berjalan berterusan adalah salah tanggapan.

ISU KEDUA

D **[17]** Sama ada tindakan perayu ini merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah di bawah A 18 k 19(1)(d) KMT.

[18] Tindakan pertama adalah melibatkan kausa tindakan dan pihak-pihak yang sama sebagaimana tindakan kedua. Tindakan pertama walau bagaimana pun telah E dibatalkan pada 14 Ogos 1998 di atas alasan kegagalan pihak perayu untuk meneruskan pendakwaan kesnya. Perayu kemudiannya telah memfailkan tindakan kedua.

[19] Menurut pihak responden, tindakan kedua ini merupakan satu F penyalahgunaan proses mahkamah. Perayu sepatutnya merayu terhadap keputusan pembatalan tindakan pertama atau membuat permohonan untuk menghidupkan semula writ saman dan penyata tuntutan dalam tindakan pertama itu. Langkah perayu memfailkan writ saman dan penyata tuntutan dalam tindakan kedua ini dan kegagalan perayu untuk menggunakan salah satu daripada atucara di atas merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah. G

[20] Prinsip penyalahgunaan proses mahkamah jelas dinyatakan oleh Watkins LJ di dalam kes *Janov v Morris* [1981] 3 All ER 780 di ms 785:

> In the event of his action being ordered to be struck out for failure to obey a peremptory H order, he may appeal against that order seeking, if necessary, an extension of time within which to do so. The outcome of such an appeal will to some extent depend on the excuse for failure preferably set forth in affidavit form provided for the court's consideration. If a litigant neglects to avail himself of that procedure and brings afresh but precisely similar action to that ordered to be struck out, without any explanation then or at any later time for a failure to obey the peremptory order, he should not be surprised that the I commencement of the second action is found to be an abuse of the process of the court and for that reason it, too, is struck out.
>
> To behave in such a way is in my judgment to treat the court with intolerable contumely. This is a matter which can properly be taken into account in the exercise of the court's discretion. This is how I judge this plaintiff to have conducted himself.

[21] Prinsip di dalam kes di atas membenarkan sesuatu tindakan boleh dibatalkan atas alasan penyalahgunaan proses mahkamah. Namun demikian, apakah faktor yang menyumbang kepada penyalahgunaan proses mahkamah? A

[22] Abdul Hamid Mohamad (HMP) di dalam kes *Pembinaan dan Pemaju Mahajiwa (Selangor) Sdn v ASM Development Sdn Bhd (formerly known as Sobena Maju Sdn Bhd)* [2003] 4 MLJ 633 telah mengariskan bahawa penyalahgunaan proses mahkamah bergantung kepada fakta sesuatu kes. Apa yang dikategorikan penyalahgunaan proses mahkamah dalam satu kes mungkin bukan penyalahgunaan proses mahkamah di dalam kes yang lain. Oleh yang demikian, adalah penting bagi kita melihat fakta kes ini. B

[23] Tindakan pertama perayu yang telah dibatalkan melibatkan kausa tindakan dan pihak-pihak yang sama dengan prosiding tindakan kedua. Tindakan kedua hanya difailkan selepas tindakan pertama tersebut dibatalkan atas alasan kegagalan pihak perayu untuk meneruskan pendakwaan kesnya C

[24] Di dalam kes *Janov v Morris* di atas, fakta kes menunjukkan bahawa tindakan pertama pihak plaintif telah dibatalkan atas alasan kegagalan untuk meneruskan pendakwaan kesnya, sama dengan pembatalan tindakan pertama dalam kes ini. Mahkamah Rayuan Inggeris itu kemudiannya telah membatalkan tindakan kedua plaintif di bawah A 18 k 19(1)(d) Rules of the Supreme Court Inggeris yang mana ia pari materia dengan A 18 k 19(1)(d) KMT. Mahkamah itu seterusnya memutuskan: D E

> Where an action had been struck out on the ground of the plaintiff's disobedience of a peremptory order of the court and the plaintiff commenced a second action within the limitation period raising the same cause of action, the court had a discretion under RSC O 18 r 19 (1)(d) to strike out the second action on the ground that it was an abuse of the court's process. In exercising that discretion, the court would have regard to the principle that court orders were made to be complied with. F

[25] Dalam kes ini, perayu tidak sepatutnya memfailkan tindakan kedua, lebih-lebih lagi ia sudah melebihi had masa, tidak seperti yang berlaku di dalam kes *Janov v Morris* di atas, di mana tindakan keduanya telah difailkan di dalam had masa. Pada hemat saya, perayu sepatutnya, memfailkan satu permohonan untuk menghidupkan semula writ saman atau merayu terhadap keputusan pembatalan tindakan pertama tersebut. Tindakan perayu dengan memfailkan tindakan kedua, merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah yang tidak seharusnya dibenarkan. G H

[26] Berdasarkan alasan-alasan tersebut, saya berpendapat bahawa keputusan Mahakamh Tinggi adalah betul, dan seterusnya, mahkamah membuat perintah-perintah seperti di atas dengan sewajarnya.

Rayuan ditolak. I

Reported by Loo Lai Mee